

BN tak pernah berhenti melaksanakan pembangunan

Free Malaysia Today

20 January , 2013

By Cyril Lim

Kerajaan menyedari masih banyak kawasan luar bandar kekurangan kemudahan asas.

KOTA KINABALU :Kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak pernah berhenti dalam melaksanakan pembangunan di kawasan luar bandar.

Ahli Parlimen Beluran Datuk Ronald Kiandee berkata ini kerana kerajaan menyedari masih banyak kawasan luar bandar kekurangan kemudahan asas dan penduduknya memerlukan pembelaan.

Katanya tumpuan sudah tentu penyediaan bekalan air, elektrik dan jalan raya di kawasan luar bandar.

“Pada masa sama, kemudahan lain seperti pembinaan sekolah dan klinik kesihatan bagi memastikan pendidikan dan penjagaan kesihatan penduduk luar bandar tidak diabaikan,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Dewan Serbaguna Kampung Bakong-Bakong di Jalan Sapi Nangoh, hari ini.

Hadir sama Ketua Pemuda Umno Beluran Samad Jamri. Dewan tersebut siap dibina pada November tahun lepas.

Ronald yg juga Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat berkata sebagai contoh masih banyak kampung di parlimen Beluran khususnya di kawasan Sugut memerlukan kemudahan jalan raya, bekalan air dan elektrik.

“Kita masih memerlukan perhatian daripada kerajaan khususnya penyaluran peruntukan untuk menseimbangkan pembangunan dan keperluan rakyat,” katanya.

Beliau berkata kerajaan sentiasa mencari pendekatan terbaik dalam menambah peruntukan untuk melaksanakan pembangunan dan terbaru pengurangan subsidi untuk gula dan minyak kenderaan.

Katanya keputusan kerajaan BN itu bagi memastikan usaha kerajaan itu sebagai kepada golongan sasaran.

Menurutnya penjimatan dari subsidi itu membolehkan kerajaan memberikan bantuan terus kepada golongan sasaran.

Source: [http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/01/20/bn-tak-
pernah-berhenti-laksanakan-pembangunan/](http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/01/20/bn-tak-
pernah-berhenti-laksanakan-pembangunan/)